



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI & BUDAYA MALAYSIA



PERTANDINGAN MELUKIS KANAK-KANAK

Sempena Program Minggu Budaya Malaysia 2021

Tema

'Keunikan Seni dan Budaya Malaysia'

Tarikh
Penyertaan

01–30
NOVEMBER
2021



Info Pertandingan Melukis !

Pertandingan melukis ini terbuka kepada semua kanak-kanak warganegara Malaysia yang berumur 7 hingga 12 tahun sempena Program Minggu Budaya Malaysia 2021 menerusi medium media sosial Balai Seni Negara.

Pertandingan ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kepentingan seni dan budaya Malaysia sekaligus menjadi wadah dalam memartabatkan kebudayaan dan kesenian untuk generasi muda.

**Kanak-kanak berumur 7 hingga 12 tahun
Warganegara Malaysia**


Perkara penting!

Peserta akan melukis karya seni bertemakan '**Keunikan Seni dan Budaya Malaysia**' dengan menerapkan imej yang berkaitan aktiviti/ amalan kepercayaan/ kaum/ etnik/ perayaan/ cara hidup/ makanan/ tradisi/ pakaian serta apa sahaja rakaman yang relevan dengan aktiviti seni dan budaya di negara ini.

Peserta hanya dibenarkan menghantar satu (1) karya seni sebagai penyertaan dan karya seni adalah hasil seni sendiri

Lukisan mestilah bersaiz A3

Medium yang dibenarkan adalah pensel warna sahaja



TERMA DAN SYARAT PENYERTAAN

- Pertandingan melukis bertemakan 'Keunikan Seni dan Budaya Malaysia' sempena Minggu Budaya Malaysia 2021.
- Penyertaan adalah PERCUMA dan secara individu.
- Terbuka kepada semua kanak-kanak yang berumur 7 hingga 12 tahun.
- Peserta mestilah warganegara Malaysia.
- Setiap peserta hanya dibenarkan menghantar satu (1) karya seni sebagai penyertaan dan karya seni adalah hasil seni sendiri.
- Peserta perlu melukis berdasarkan tema sempena Minggu Budaya Malaysia 2021 iaitu 'Keunikan Seni dan Budaya Malaysia' dengan menerapkan imej yang berkaitan aktiviti/ amalan kepercayaan/ kaum/ etnik/ perayaan/ cara hidup/ makanan/ tradisi/ pakaian serta apa sahaja rakaman yang relevan dengan aktiviti seni dan budaya di negara ini tanpa menyentuh isu politik dan sensitiviti perkauman.
- Lukisan tersebut mestilah bersaiz A3.
- Medium yang dibenarkan adalah pensel warna sahaja.
- Untuk penghantaran hasil karya seni, peserta perlu mengimbas **scan** dalam format fail JPEG atau PDF (kurang daripada 10 MB).
- Hasil karya seni yang telah diimbas **scan** perlu dimuat naik dalam borang penyertaan secara dalam talian yang disediakan dan dihantar bersama ketika mengisi borang penyertaan.
- Pemilihan 30 orang pemenang terbaik dibuat berdasarkan kreativiti lukisan yang dihasilkan.
- Pemenang akan dihubungi oleh pihak pengajur pertandingan secara rasmi melalui panggilan telefon dan keputusan akan diumumkan di media sosial rasmi Balai Seni Negara.
- Pengajur berhak menolak sebarang penyertaan yang tidak mengikut syarat yang ditetapkan.
- Keputusan panel juri penilai adalah MUKTAMAD dan tidak boleh dipertikaikan.
- Balai Seni Negara selaku pengajur pertandingan BERHAK menggunakan lukisan yang dihantar dalam pertandingan ini bagi tujuan promosi, penerbitan atau paparan di media cetak, media sosial dan media elektronik tanpa memerlukan kebenaran dan apa-apa bayaran kepada peserta.

CARA UNTUK MENYERTAI PERTANDINGAN MELUKIS DAN MENGHANTAR PENYERTAAN

Para peserta boleh menyertai pertandingan dengan melayari laman sesawang www.artgallery.gov.my atau media sosial rasmi Balai Seni Negara dengan mengisi Borang Penyertaan secara dalam talian serta menghantar karya seni dengan memuat naik karya di pautan berikut :

<https://artgallery.antara.cc/forms/pertandingan-melukis-kanak-kanak-sempena-program-minggu-budaya-malaysia-2021-qbjLg>

atau imbas QR



HADIAH MENARIK!

30 Pemenang Terbaik

Menangi produk/barangan NAG Store
peralatan melukis dan **Sijil Pemenang**

Hadiah keseluruhan bernilai **RM4,500.00**

**Tarikh Tutup
Penyertaan**

**01
DISEMBER
2021**

Sebarang pertanyaan boleh hubungi :

Urus setia

Pertandingan Melukis Kanak-kanak

Sempena Program Minggu Budaya Malaysia 2021

Cawangan Jaringan dan Pendidikan

03 - 4026 7021

